

Media Title : Berita Harian  
Headline : Daya Tahan Ekonomi Malaysia Meningkat  
Date : 5 August 2017  
Page : 2  
PR Value : 62,744.79



Najib bersama Rosmah pada majlis Anugerah dan Makan Malam ASEAN@50 yang turut dihadiri Mustapa (belakang dua dari kanan) dan Munir (belakang empat dari kiri) di Kuala Lumpur, malam tadi.

**Inflasi dan pengangguran Malaysia masih rendah dan kami memperoleh tahap rekod pelaburan langsung asing yang baik walaupun pakatan pembangkang terus memfitnah kononnya Malaysia akan mufliis”**  
**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

# Daya tahan ekonomi Malaysia meningkat

➔ Prestasi pertumbuhan negara seiring jangkauan ASEAN muncul kuasa ekonomi keenam terbesar

Oleh **Mohd Azrone Sarabatin**  
azrone@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak berkata, ASEAN dijangka menjadi kuasa ekonomi keenam terbesar di dunia berdasarkan anggaran terbaru berbanding ketujuh pada tempoh tahun 1975 dan 2016.

Perdana Menteri berkata, kenaikan kedudukan ini juga menunjukkan peningkatan daya tahan ekonomi Malaysia dalam persekitaran global yang mencabar.

“Ekonomi Malaysia menunjukkan kekuatannya sejak beberapa tahun kebelakangan ini sehingga mendapat pengiktirafan Bank Du-

nia, Tabung Mata Wang Antarabangsa dan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

## Puji pengurusan ekonomi

“Badan itu memuji pengurusan ekonomi makro dan kejayaan kerajaan dalam mengubah landskap ekonomi menjadi negara yang berdaya saing, proaktif, efektif dan inklusif,” katanya ketika berucap pada majlis Anugerah dan Makan Malam ASEAN@50 anjuran Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN Malaysia (ASEAN-BAC Malaysia) di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa

Mohamed serta Pengerusi ASEAN-BAC, Tan Sri Dr Munir Majid.

Dalam pada itu, Najib berkata, antara 2009 hingga 2016, Pendapatan Negara Kasar Malaysia meningkat hampir 50 peratus dan 2.26 juta pekerjaan berjaya diwujudkan.

“Inflasi dan pengangguran Malaysia masih rendah dan kami memperoleh tahap rekod pelaburan langsung asing yang baik walaupun pakatan pembangkang terus memfitnah kononnya Malaysia akan mufliis,” katanya.

Pada majlis itu, 10 individu dan syarikat cemerlang berpangkalan di Malaysia, menerima anugerah oleh ASEAN-BAC Malaysia yang disampaikan Najib.

Anugerah itu adalah pengikti-

rahan kepada kejayaan serta peluang ditawarkan oleh gagasan ASEAN. Ia sebahagian aktiviti ASEAN-BAC Malaysia bagi menerajui usaha jalinan ekonomi-sektor swasta bersempena sambutan ulang tahun ke-50 ASEAN, tahun ini.

Antara penerima ialah Pengerusi Sunway Group, Tan Sri Jeffrey Cheah yang merangkul Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat menerusi sumbangan serta pencapaiannya di Malaysia, ASEAN dan kawasan sekitar.

Penerima lain Anugerah Pencapaian ASEAN@50 termasuk Anugerah Jubli Emas kepada YTL Corporation Bhd manakala Pengasas Bersama FashionValet, Datin Vivvy Yusof pula dinobatkan Usahawan Muda Terbaik.